

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 25 MAC 2018 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Telaga tiub selesai masalah bekalan air	Berita Harian Online
2.	Guna lampu LED buatan negara	Sinar Online



MENTERI Sains, Inovasi dan Teknologi, Datuk Madius Tangau hadir pada Majlis Perasmian Sistem Telaga Tiub Kampung Bungalio dan Kampung Kotunuan Baru, Tuaran, hari ini. - Foto Recqueal Raimi

Telaga tiub selesai masalah bekalan air

TUARAN: Masalah bekalan air bersih dialami kira-kira 500 penduduk Kampung Bungalio dan Kotunuan Baru, Kiulu, di sini, ketika musim kemarau, kini berakhir.

Ini berikutan siapnya sistem telaga tiub yang mampu membekalkan air berterusan kepada penduduk di kawasan berbukit itu.

Penyediaan kemudahan itu adalah inisiatif **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** dengan kerjasama **Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM)** menerusi program STI Outreach (Merakytakan Inovasi) kementerian berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Bungalio dan Kotunuan Baru, Suffian Kundu, berkata penyediaan kemudahan itu mengakhiri penantian penduduk untuk menikmati bekalan air bersih sejak sekian lama.

Katanya, kedudukan perkampungan berkenaan di kawasan bukit menyebabkan penduduk sering berdepan masalah bekalan air jika musim kemarau.

Lebih teruk, air di situ akan kotor jika hujan berterusan akibat pencemaran kelodak di empangan sistem air graviti mereka.

"Kami bersyukur apabila mendapat bantuan pembinaan sistem telaga tiub ini. Setakat ini, kira-kira 100 rumah menerima manfaat daripada kemudahan ini," katanya ditemui pada Majlis Perasmian Sistem Telaga Tiub Kampung Bungallo dan Kampung Kotunuan Baru, di sini, hari ini.

Majlis itu disempurnakan Menteri Sains, Inovasi dan Teknologi, Datuk Madius Tangau. Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kiulu, Datuk Joniston Bangkuai.

Suffian berkata, bagi memastikan kemudahan baharu itu berfungsi dengan baik sepanjang masa, pihaknya akan menubuhkan jawatankuasa penyelenggaraan.

Sementara itu, Madius berkata, pembinaan sistem telaga tiub itu dimulakan September tahun lalu dan siap pada Disember lalu, membabitkan kos kira-kira RM200,000, termasuk penggerudian telaga tiub sedalam 113 meter.

"Sistem ini disalurkan terus ke rumah ibadat, balai raya, sekolah dan pusat internet desa. Kita harap dapat melaksanakan sistem ini dalam skala lebih besar untuk sektor pertanian," katanya.



Guna lampu LED buatan negara



Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada)

LANGKAWI - Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) disaran memasang lampu diod pemancar cahaya (LED) buatan Malaysia yang mampu menjimatkan tenaga sehingga 85 peratus.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah hari ini berkata, keupayaan lampu LED ciptaan penyelidik Malaysia, Dr Gabriel Walter, itu sesuai dipasang di Langkawi yang sedang mengambil langkah menjadi pulau rendah karbon menjelang 2030.

“Ini juga selaras dengan perancangan Lada untuk menggunakan lebih banyak lagi teknologi hijau di Langkawi,” katanya selepas mengadakan perbincangan dengan Ketua Pegawai Eksekutif Lada, Datuk Azizan Noordin hari ini.

Abu Bakar berkata, sebuah syarikat tempatan, Qeos Les Sdn Bhd diketuai Dr Walter telah memulakan penyelidikan untuk menghasilkan lampu LED berkenaan menerusi geran berjumlah RM3 juta oleh kementeriannya.

“Kerajaan melalui **Yayasan Inovasi Malaysia** juga telah membantu syarikat itu untuk membina sebuah kilang di Melaka. Hasil ciptaannya sudah di peringkat pengkomersilan dan sudah digunakan di beberapa tempat di seluruh Malaysia,” katanya. - Bernama